



14 Mac 2014
14 March 2014
P.U. (A) 73

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK (PINDAAN) 2014

ELECTRICITY (AMENDMENT) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK (PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 53 Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Elektrik (Pindaan) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2014.

Pindaan am

2. Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 [P.U. (A) 38/1994], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “talian telekomunikasi” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “talian membawa komunikasi”.

Pindaan peraturan 2

3. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “kerja elektrik” takrif yang berikut:

‘ “komunikasi” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588];’;

(b) dengan memasukkan selepas takrif “voltan amat rendah” takrif yang berikut:

‘ “voltan amat tinggi” ertinya voltan yang biasanya melebihi 230,000 volt;’;

- (c) dengan memasukkan selepas takrif “voltan rendah” takrif yang berikut:

‘ “voltan sederhana” ertinya voltan yang biasanya melebihi voltan rendah tetapi bersamaan dengan atau tidak melebihi 50,000 volt;’ dan

- (d) dengan memasukkan selepas takrif “voltan sederhana” takrif yang berikut:

‘ “voltan tinggi” ertinya voltan yang biasanya melebihi 50,000 volt tetapi bersamaan dengan atau tidak melebihi 230,000 volt;’.

Pindaan peraturan 10

4. Subperaturan 10(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “bio jisim” dengan perkataan “biojisim, biogas”; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan “10 MW” dengan perkataan “5 MW”.

Pindaan peraturan 54

5. Peraturan 54 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

“Fi bagi memproses permohonan peperiksaan, peperiksaan, pengendorsan, penggantian dan pengeluaran semula Perakuan Kekompetenan”;

- (b) dengan menomborkan semula perenggan (a), (b), (c) dan (d) yang sedia ada sebagai perenggan (b), (c), (d) dan (e); dan

(c) dengan memasukkan perenggan (a) baru yang berikut:

“(a) memproses suatu permohonan peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan;”.

Pindaan peraturan 97

6. Subperaturan 97(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dua puluh” dengan perkataan “tiga puluh”.

Pindaan Jadual Kedua

7. Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan Bahagian I dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN I

(peraturan 4)

FI BAGI PENGELUARAN PERAKUAN PENDAFTARAN

1. Fi mengikut kadar yang berikut hendaklah kena dibayar bagi pengeluaran Perakuan Pendaftaran di bawah peraturan 4:

	<i>Keupayaan Pemasangan</i>	<i>Fi Tahunan</i>				
		1 tahun	2 tahun	3 tahun	4 tahun	5 tahun
(a)	bagi setiap pemasangan 10 kilowatt atau kurang	RM30	RM60	RM90	RM120	RM150
(b)	bagi setiap pemasangan melebihi 10 kilowatt hingga 50 kilowatt	RM165	RM330	RM495	RM660	RM825
(c)	bagi setiap pemasangan melebihi 50 kilowatt hingga 100 kilowatt	RM550	RM1,100	RM1,650	RM2,200	RM2,750

(d)	bagi setiap pemasangan melebihi 100 kilowatt hingga 300 kilowatt	RM1,100	RM2,200	RM3,300	RM4,400	RM5,500
(e)	bagi setiap pemasangan melebihi 300 kilowatt hingga 600 kilowatt	RM1,650	RM3,300	RM4,950	RM6,600	RM8,250
(f)	bagi setiap pemasangan melebihi 600 kilowatt hingga 5,000 kilowatt	RM2,200	RM4,400	RM6,600	RM8,800	RM11,000
(g)	bagi setiap pemasangan melebihi 5,000 kilowatt	RM3,000	RM6,000	RM9,000	RM12,000	RM15,000

2. Bagi maksud Bahagian ini, “keupayaan pemasangan” ertinya tahap maksimum kuasa elektrik yang pada tahap itu sesuatu pemasangan boleh digunakan, dijalankan kerja padanya atau dikendalikan bagi sesuatu tempoh masa tanpa mengakibatkan kerosakan pada mana-mana bahagian pemasangan itu. Walau bagaimanapun, bagi sistem penghantaran atau sistem pengagihan, keupayaan pemasangan itu adalah pada tahap maksimum kuasa elektrik yang pada tahap itu sistem itu dijangka atau dikehendaki untuk membekalkannya dalam suatu tempoh masa, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.”;

(b) dengan menggantikan Bahagian IA dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IA

(subperaturan 10(3))

FI BAGI PENGELUARAN LESEN BAGI PEPASANGAN PERSENDIRIAN

1. Fi mengikut kadar yang berikut hendaklah kena dibayar bagi pengeluaran lesen bagi pemasangan persendirian di bawah subperaturan 10(3):